

**ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN, KELANTAN**  
**BIL. 8/1998**

---

**BAYARAN DEPOSIT BAGI PERMOHONAN MILIK TANAH**

1. Arahan ini dikeluarkan kepada semua Pentadbir-Pentadbir Tanah Jajahan di Negeri Kelantan bagi menyelaraskan amaun bayaran deposit yang perlu dibayar oleh pemohon-pemohon milik tanah kerajaan semasa membuat permohonan milik tanah.
2. Pada masa ini didapati terlalu senang bagi orang ramai untuk membuat permohonan milik tanah kerana bayaran untuk deposit adalah rendah iaitu lebih kurang RM100.00 dan kadang-kadang tidak dikenakan langsung. Dengan itu banyak permohonan yang tidak tulin diterima di Pejabat-Pejabat Tanah.
3. Kemudian selepas permohonan diluluskan ramai pula yang tidak datang untuk membuat bayaran premium tanah. Ini adalah kerana disebabkan deposit yang rendah pada awalnya menyebabkan premium bayar jelas ini menjadi tinggi. Selain daripada itu pemohon-pemohon yang tidak tulin tidak sanggup untuk membuat bayaran premium yang tinggi.
4. Bagi mengelakkan permohonan yang tidak tulin membuat permohonan dan bagi menggalakkan bayaran jelas premium ini dibuat, Pentadbir-Pentadbir Tanah adalah diarahkan supaya bayaran deposit permohonan milik tanah dinaikkan sehingga sekurang-kurangnya 50% daripada anggaran jumlah premium yang patut dikenakan selepas tanah ini diluluskan kelak. Dengan peningkatan bayaran deposit ini baki bayaran premium tidaklah menjadi begitu tinggi dan ini memudahkan pemohon membuat bayaran jelas premium tanah mereka.
5. Disamping bayaran deposit di atas bayaran memperenggan sebanyak RM40.00 perlu dipungut semasa pemohon mengemukakan Borang Permohonan.
6. Arahan ini berkuatkuasa serta merta mulai tarikh Arahan ini dikeluarkan.

**t.t**  
**(Md. Yusuf bin Noh)**  
PENGARAH TANAH DAN GALIAN,  
KELANTAN.

**KEPADA :**

Yang Amat Berusaha,  
Semua Pentadbir Tanah Negeri,  
Kelantan.

**SALINAN KEPADA :**

1. Y.A.B. Tuan Guru Dato' Menteri Besar Kelantan
2. Y.B. Timbalan Menteri Besar Kelantan
3. Y.B. Dato' Setiausaha Kerajaan Kelantan
4. Y.B.M. Dato' Tengku Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
5. Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
6. Y.A.Brs. Ketua Audit Negeri Kelantan
7. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan
8. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha Kerajaan Tempatan

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN,  
NEGERI KELANTAN,  
BLOK 3, TINGKAT BAWAH,  
KOTA DARULNAIM,  
15576 KOTA BHARU.**

**FAIL : PTG.KN. 3269 JLD.2/(31)**

**BERTARIKH : 25 JAMADIL AWAL 1419  
16 SEPTEMBER 1998**